

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN BUNGKUSAN HARI RAYA OLEH BAKTI KEPADA ANGKATAN
TENTERA MALAYSIA DAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
Lokasi : SERI PERDANA, PUTRAJAYA
Tarikh : 24-11-2001

Izinkan saya bagi pertama sekali memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana atas izinNya sahaja dapat kita bersua pada majlis yang hening ini. Selain daripada kita berpuasa pada bulan yang mulia ini, dapat pula BAKTI membuat sedikit kebajikan kepada Pasukan Keselamatan yang sedang berjuang mempertahankan negara kita yang tercinta.

2. Atas kehadiran semua yang berada dalam dewan ini, terimalah pantun dari saya: Buah cermai lebat dibatang Sayang selasih ditanak minyak Beramai-ramai kemari datang Terimakasih banyak-banyak 3. Seperti yang diketahui, majlis ini diadakan khas setiap tahun untuk menyampaikan bungkusan-bungkusan hadiah sumbangan Hari Raya dari BAKTI kepada semua Pasukan Keselamatan yang sedang bertugas samada dalam negeri mahupun di perbatasan negara dan luar negara.

4. Alhamdulillah, seperti tahun-tahun yang lepas, kali ini BAKTI dapat sekali lagi berbuat demikian walaupun sumbangan ini tidak seberapa namun diharap ia dapat sedikit sebanyak membantu kenangan berhari raya bersama keluarga: Dahan meranti dahan cempaka Disandar muatan di tepi paya Sumbangan BAKTI tidak seberapa Sekadar ingatan di Hari Raya

5. Sejumlah 20,650 bungkusan disediakan: 15,150 untuk ATM dan 5,500 kepada PDRM. Kepada semua yang akan menerima sumbangan BAKTI ini, terimalah dengan ucapan Selamat Hari Raya dari BAKTI. Desiran ombak di waktu pagi Arus lautan menyusur sepi Pabila makan juadah ini Hendaknya terus teringatkan BAKTI

6. Tidak dapat dinafikan bahawa Pasukan Keselamatan Negara kita sentiasa memberi khidmat yang sangat baik. Mereka sentiasa menjaga keamanan dan kedaulatan negara dengan mempertaruhkan nyawa sehingga rakyat jelata dapat hidup dengan aman dan tenteram. Pujian dan sanjungan yang tinggi seharusnya kita berikan buat mereka. Marilah sama-sama kita berdoa semoga mereka sentiasa dalam perlindungan Allah dimana jua bertugas.

7. Kepada isteri dan keluarga yang ditinggalkan untuk berhari raya bersendirian, BAKTI mendoakan semoga sentiasa teguhkan iman dan bersabar. Jagalah diri dan anak-anak dengan baik supaya apabila suami pulang kelak, terhiburlah mereka dengan isteri dan keluarga yang sihat dan riang. Pada bulan Puasa ini, gunakanlah masa untuk membuat kebajikan dan beramal dalam BAKAT dan PERKEP yang saya yakin sentiasa mengambil tahu kebajikan isteri-isteri dan keluarga yang berkesepian suami.

8. Mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi, bagi pihak BAKTI, saya menyatakan penghargaan penuh dan terimakasih kepada ahli-ahli Pasukan Keselamatan kita atas jasa-jasa mereka di dalam dan di luar negara. Nama wira-wira kita amat murni di luar negara dan dengan itu mereka semua memuliakan nama dan imej negara Malaysia yang tercinta ini.

9. Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi ATM dan PDRM dimana jua mereka berada. Amin.

10. Selama Berbuka Puasa dan Selamat menyambut Hari Raya Idil Fitri seterusnya. Semoga Allah S.W.T.

memberkati kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dalam Majlis Penyerahan Bungkusan Hari Raya BAKTI 2001 ini.